# SPARTAR suntik minat pelajar sekolah belajar ke peringkat ijazah

Oleh: Nur Eizni Shafiqah Mohd Rozi




SERDANG – Pelajar SMK Senaling, Kuala Pilah menyertai Sparkle Star Outreach Programme (SPARTAR)

B1572924942

LIHAT JUGA



UPM UMUM PELANTIKAN PENYANDANG PERTAMA KURSI PENYELIDIKAN TAN SRI EMPIANG JABU UNTUK PENGAJIAN WANITA DAYAK (/berita/upm_umum_pelantikan_penyandang_pertama_kursi_penyelidikan_tan_sri_empiang_jabu_untuk_pengajian_wanita_dayak-53661)



Kongres ISSAAS bincang isu sumber pertanian tidak mampan (/berita/kongres_issaas_bincang_isu_sumber_pertanian_tidak_mampan-53651)



Raja Muda Perlis berkenan sempurnakan Majlis Pecah Tanah Padang Besbol (/berita/raja_muda_perlis_berkenan_sempurnakan_majlis_pecah_tanah_padang_besbol-53645)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000

+603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

2.0 dan merasai sendiri suasana kehidupan di kampus Universiti Putra Malaysia (UPM), yang bertujuan menyuntik minat pelajar untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat ijazah.



Program dibahagikan kepada dua siri, dengan siri pertama yang diadakan di SMK Senaling dari 27 hingga 29 September lalu disertai 56 orang pelajar sekolah itu, manakala 40 pelajar SMK Senaling di bawa ke UPM di sini untuk menyertai Siri II dari 18 hingga 20 Oktober.

Matlamat utama program adalah untuk memberi pendedahan dan membuka minda pelajar sekaligus menarik minat mereka untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi khasnya ke Institut Pengajian Tinggi.

SPARTAR 2.0 memfokuskan pelajar sekolah menengah terutamanya pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dengan tema "Together We Sparkle, Together We Care". Ia dianjurkan Majlis Perwakilan Kolej (MPK) Kolej Empat Belas (K14) dengan kerjasama Pihak Pengurusan K14 dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UPM.



Pada Siri I, pelajar UPM berkampung selama tiga hari di Senaling dan melakukan pelbagai aktiviti menarik dan mencabar 'Love Yourself Harder', 'Passport To The Future', 'Explorace 6th Sense' dan 'It's My Decision'.




Majlis penutupan Siri I disempurnakan Penyelaras DUN Seri Menanti, Jamali Salam. Turut hadir Pengetua Kolej Empat Belas, Prof. Madya Dr.Khairulmazmi Ahmad.

Pengarah program, Muhammad Faiz Mohd Salehudin yang juga pelajar Bacelor Sains (Akuakultur), Fakulti Pertanian, UPM berkata beliau berkongsi pengalaman di zaman persekolahan yang berjaya mewujudkan keinginan untuk menyambung pelajaran ke peringkat universiti.

Pelajar SMK Senaling, Ahmad Abdillah Nor Norsham Salman berkata, melalui program itu beliau dan rakan-rakan memperoleh banyak ilmu.

"Aktiviti yang dijalankan membantu kami untuk keluar dari kepompong kebiasaan dan menggalakkan kami untuk banyak berfikir dan bercakap di khalayak ramai," katanya.

B1572924942

Aktiviti dalam Siri II tertumpu kepada matlamat untuk mendedahkan suasana pembelajaran dan persekitaran di alam universiti kepada pelajar SMK Senaling.




BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Pelajar dibawa ke fakulti-fakulti di UPM seperti Fakulti Pertanian, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Fakulti Veterinar, dan Fakulti Bahasa Moden Komunikasi serta melawat tempat menarik dan berilmiah seperti Muzium Anatomi Haiwan, Muzium Entomologi, Makmal Ikan Hiasan, Muzium Warisan Melayu, Galeri Serdang dan Ladang 15.

Pelajar juga diberi peluang menaiki bas ke kampus, menginap di kolej mahasiswa serta mendengar taklimat dan motivasi daripada pensyarah di bilik kuliah.

Pengetua SMK Senaling, Zahari Datuk Wira Long ketika berucap pada majlis penutupan Siri II berkata, program SPARTAR 2.0 memberikan impak positif kepada pelajar SMK Senaling dan mereka ceria mengikuti program walaupun diadakan selama tiga hari. - UPM

Tarikh Input: 04/11/2019 | Kemaskini: 04/11/2019 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fspartar_suntik_minat_pelajar_sekolah_belajar_ke_peringkat_ijazah-53639&title=SPARTAR%20Suntik%20Minat%20Pelajar%20Sekolah%20Belajar%20Ke%20Peringkat%20Ijazah%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress)

(/#print)

B1572924942

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)

Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)

Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

Takwim UPM 2019 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.pdf)

(http://www.putra.upm.edu.my)

(http://portal.upm.edu.my)

(https://play.google.com/store/apps/details?id=upm.mobile.v6)

(http://www.pertanika.upm.edu.my)

(http://www.learninghub.upm.edu.my)

(http://www.psasir.upm.edu.my/)

(https://smp.upm.edu.my)

(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

(http://eclaims.upm.edu.my/login/)

(http://www.reg.upm.edu.my/eISO/)

(http://emel.upm.edu.my)

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2019 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1572924942